

08 OCT 2001

Effendi-Pertanian

INDUSTRI PERTANIAN JAUH DARIPADA KRISIS EKONOMI DUNIA

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Industri pertanian negara kini merupakan pelaburan yang menarik ekoran langkah kerajaan memberi penekanan kepada pelaburan domestik, kata Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi.

"Perkembangan terbaru dalam ekonomi dunia telah membuka ruang bagi kemajuan dalam sektor pertanian, yang tiada kemungkinan akan terjejas oleh krisis itu, dan boleh dijadikan jalan keluar bagi pelabur yang serius," katanya.

Beliau berkata industri pertanian negara, terutama sektor swasta yang terbabit dalam pengeluaran makanan, boleh mengambil peluang daripada situasi sekarang dan menjadikan industri makanan sebagai daya penggerak ekonomi masa akan datang.

Effendi menyatakan demikian kepada pemberita selepas pelancaran awal pameran pertanian, hortikultur dan pelancongan tani 2002 (MAHA 2002), yang akan diadakan di Pusat Pameran Mines dari 1 hingga 6 Okt tahun depan.

Industri pertanian merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar di belakang sektor perkhidmatan dan elektronik. Walaupun demikian Malaysia mengimport barang makanan bernilai RM13 bilion tahun lepas dan angka itu dijangka meningkat kepada RM21.9 bilion menjelang 2005.

Effendi berkata Malaysia perlu meningkatkan daya saingnya dalam menghadapi negara lain yang juga mengeluarkan barangan pertanian melalui pengukuhan dasar dan strateginya dalam pengeluaran makanan.

"Kita perlu mengatur diri kita, menyusun semula agensi berkaitan dengan pertanian dan pengeluaran makanan dan mengubah corak fikiran peserta industri tempatan termasuk petani kita," katanya.

Beliau berkata sebaik sahaja matlamat itu dicapai, negara akan dapat memberi cabaran serius untuk menjadi salah sebuah negara utama dalam pertanian dan pengeluaran makanan di peringkat global.

Mengenai MAHA 2002, beliau berkata acara tahunan itu akan menjadi acara terbesar yang pernah diadakan dan akan memberi kesedaran kepada mereka yang terlibat dalam industri pertanian tempatan.

"Pameran itu akan mempunyai produk terbaru dalam industri berkenaan termasuk kejenteraan berat, dan inilah masanya bagi petani tempatan mendapatkan pengetahuan bagaimana meningkatkan hasil mereka," katanya.

MAHA 2002 setakat ini menarik penyertaan kira-kira 20 negara yang telah menunjukkan minat untuk mengadakan astaka nasional masing-masing.

Lebih 70 peratus daripada 700 ruang pameran sudah ditempah manakala bagi pameran di ruang terbuka, tempahan sudah mencapai 60 peratus.

Pameran itu akan meliputi kawasan seluas 3.6 hektar bagi menunjukkan kemajuan terbaru dalam teknologi pertanian, produk dan perkhidmatan.

MAHA 2002 akan diadakan serentak dengan Agritech Malaysia, acara antarabangsa yang akan menonjolkan pencapaian bioteknologi dan hasil penyelidikan dan pembangunan pertanian dari serata dunia.

Satu persidangan peringkat tinggi juga akan diadakan sempena MAHA 2002 dengan memberi tumpuan kepada peluang yang wujud untuk meningkatkan kemajuan teknologi pertanian di Malaysia.

Penganjuran MAHA 2002 juga seiring dengan perayaan Hari Peladang Kebangsaan.

-- BERNAMA

SR AT HK NMO